

E-NEWSLETTER

NADI NURTURE DILEA DIGITAL LEARNING

6 JUN 2025

EDISI 04

3 MEI 2025



Para Peserta dari NADI Berapit, Pulau Pinang

Webinar Motivasi Pelajar Edisi 2

Webinar Motivasi Pelajar Edisi 2 telah berlangsung pada Sabtu, 3 Mei 2025 dengan tajuk 'Halatuju Selepas SPM' dan 'Tips Permohonan UPU Online Menggunakan Kaedah Pengiraan Merit'.

Webinar ini menyasarkan pelajar Tingkatan 4 dan 5, bertujuan memberi pendedahan awal tentang pilihan halatuju selepas SPM serta panduan mengisi permohonan UPU Online dengan lebih berkesan.

Sambutan daripada para pelajar amat menggalakkan yang mencatatkan lebih 1000 penyertaan dan ramai menyatakan mereka kini lebih jelas dan yakin dalam merancang masa depan.


4-9 MEI 2025

Bimbingan Akademik Live Class Tingkatan 4

Bulan Mei 2025 menyaksikan pelaksanaan Sesi Bimbingan Akademik Live Class bagi Kohort Tingkatan 4 untuk kali ketiga tahun ini.

Sesi ini telah berlangsung pada 4 hingga 9 Mei 2025, melibatkan pengajaran secara langsung dalam subjek-subjek teras sebagai persediaan menghadapi peperiksaan serta memperkukuh penguasaan pelajar terhadap topik-topik penting.

Sesi bimbingan juga berjalan seperti biasa sepanjang bulan Mei bagi menyokong proses pembelajaran secara berterusan.




Peserta Bimbingan Akademik dari NADI Pekan Sindumin, Sabah

10 MEI 2025

Bimbingan Akademik Live Class Tingkatan 5

Sesi Bimbingan Akademik Live Class bagi Kohort Tingkatan 5 telah berlangsung pada 10 Mei 2025 dan melibatkan keempat-empat subjek teras.

Sesi ini dijalankan sepanjang hari, bermula dari pagi hingga petang, mengikut jadual yang telah ditetapkan. Pelaksanaan sesi sehari penuh ini dibuat berdasarkan keperluan pelajar Tingkatan 5, yang kebanyakannya hanya berkelapangan pada hari minggu.



Salah seorang peserta dari NADI Taman Cengal Emas, Kedah

9-25 MEI 2025

Penguasaan Bahasa Inggeris

Pelaksanaan program Penguasaan Bahasa Inggeris bagi bulan Mei telah berlangsung selama tiga minggu bermula 9 Mei hingga 25 Mei 2025, melibatkan Lesson 6, 7 dan 8. Sesi dijalankan empat hari seminggu (Khamis hingga Ahad) dan disertai oleh pelajar yang turut terlibat dalam elemen Bimbingan Akademik.

Latihan yang diberikan dirancang untuk membina asas yang kukuh dalam kemahiran bahasa secara menyeluruh, selari dengan objektif program DILEA.



Peserta sedang mengikuti Kelas Penguasaan Bahasa Inggeris di NADI Felda Kahang Barat, Johor

21 MEI 2025

Podcast Episod 3

Dalam episod kali ini, Podcast DILEA membawakan topik menarik bertajuk 'Bagaimana Nak Buat Pelajar Jatuh Cinta Dengan Subjek Matematik', menampilkan guru berpengalaman iaitu Cikgu Azwan.

Beliau berkongsi pendekatan kreatif serta cabaran dalam menjadikan Matematik lebih seronok dan mudah difahami oleh pelajar. Episod ini sesuai untuk guru, ibu bapa dan pelajar yang ingin melihat subjek ini dari perspektif yang lebih segar dan positif.

Tonton sekarang di saluran Youtube [DILEA Studio](#)



Panel jemputan, Cikgu Azwan

24 MEI 2025

Webinar Berkala Bahasa Melayu Edisi 2

Webinar Berkala Bahasa Melayu Edisi 2 yang telah diadakan pada 24 Mei 2025, dengan topik 'Tips Karangan Cemerlang' disampaikan oleh Cikgu Hasfariza, Guru Hebat Bahasa dari Daerah Hulu Selangor dan JPN Selangor 2021.

Sesi ini terbuka untuk pelajar Tingkatan 4 dan 5, dengan fokus kepada teknik menulis karangan yang kemas, bernas dan memenuhi kehendak soalan peperiksaan. Pelajar didedahkan kepada struktur karangan yang mantap, penggunaan bahasa yang tepat serta cara menarik perhatian pemeriksa.




Para peserta dari NADI Kampung Belatik, Sabah


Penggunaan LMS DILEA Secara Optimum sebagai Platform Pembelajaran

Platform LMS DILEA terus dimanfaatkan secara optimum sebagai medium utama pembelajaran yang merangkumi 5 elemen. Ini termasuk pelaksanaan **Bimbingan Akademik Live Class, Bimbingan dan Penilaian Kemajuan, Penguasaan Bahasa Inggeris, Video Ulangkaji** serta Program Khas yang telah disusun menjadikan ianya mudah diakses oleh peserta.

Peserta yang mengikuti program pembelajaran melalui LMS DILEA ketika berada di pusat NADI berjaya mengakses kandungan dan menyertai sesi secara teratur. Dalam masa yang sama, mereka turut menerima bimbingan secara fizikal daripada rakan petugas di lokasi. Pendekatan ini menyokong pelaksanaan pembelajaran bersepadu yang lebih sistematik dan berfokuskan pelajar.



Paparan pautan sijil penyertaan yang mudah diakses



Antara muka rakaman Live Class dan Program Khas yang boleh ditonton pada bila-bila masa



Dashboard NADI-Nurture DILEA Digital Learning

Penyertaan Suku Tahun Pertama 2025

Penyertaan bagi suku pertama tahun 2025 dalam Program NADI-Nurture DILEA Digital Learning menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dengan sambutan yang amat baik daripada kalangan peserta.

Perkembangan positif ini menunjukkan minat yang semakin tinggi terhadap pendekatan pembelajaran digital yang ditawarkan. Diharapkan program ini akan terus memberi manfaat yang lebih besar kepada peserta pada masa akan datang, khususnya dalam memperkukuh penguasaan akademik, kemahiran sendiri dan keyakinan belajar secara aktif dan berfokus.

Menarik Bulan Jun: Open Live Class untuk semua pelajar Tingkatan 4 & 5

Peribahasa Bulan Ini

Kalau sama tinggi kayu di rimba, di mana angin akan lalu

Jom Sertai Group Support WhatsApp DILEA!

